

23/07/1998

Mahathir jumpa pedagang Malaysia hari ini

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan dialog dengan ketua eksekutif syarikat-syarikat perdagangan Malaysia esok untuk menerangkan usaha kerajaan bagi meningkatkan eksport kerana pentingnya sektor itu kepada pemulihan ekonomi.

Perjumpaan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu bertujuan mendapatkan persefahaman serta kerjasama sektor eksport supaya bersama-sama meningkatkan lagi usaha mereka.

Menurut seorang pegawai Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, perbincangan itu juga untuk mendapatkan maklumat balas dan cadangan daripada syarikat perdagangan Malaysia mengenai cara serta kaedah baru bagaimana negara dapat meningkatkan eksport.

Pada 10 Julai lalu, Perdana Menteri dilaporkan berkata beliau bercadang menemui pengimport dan pengeksport tempatan bagi meminta mereka membantu usaha pemulihan ekonomi negara.

Katanya, beliau akan mencadangkan kepada mereka supaya meningkatkan eksport negara sebagai salah satu cara membantu usaha pemulihan ekonomi negara dan menggunakan mata wang negara berkenaan bagi eksport barangan Malaysia.

(END)